



Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Court Liaison 7/21

19 Feb 2021

To Members of the Penang Bar,

Information Pertaining to Penang Courts Operations during extended Movement Control Order from 19 Feb 2021 until 4 Mar 2021

The Government of Malaysia announced on 16 Feb 2021 that the ongoing Movement Control Order (MCO) would be extended further from 19 Feb 2021 to 4 Mar 2021 for Selangor, Johore, Penang and the Federal Territory of Kuala Lumpur.

In view of the extended MCO, Members are requested to take note of the following:

- *Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 5 Tahun 2021 Mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil di Mahkamah semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);*
- Notifications received from the Deputy Registrar (Administration) of the Penang High Court, Tuan Ahzal Fariz Bin Ahmad Khairuddin:
 - *Notis Makluman Pengendalian Kes-Kes di Hadapan YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman / Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Berkuat Kuasa dari 19hb Februari 2021 sehingga 4hb Mac 2021 Selaras Dengan Arahan YAA Ketua Hakim Negara Bilangan 5 Tahun 2021;*
 - *Tarikh Baharu bagi Kes-Kes Lelongan Awam yang telah Ditetapkan Secara Fizikal di Hadapan Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Semasa Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (Note: for auctions fixed between 19 Jan 2021 and 24 Feb 2021);*
- Notifications received from the Director of the Penang Courts, Puan Zaharah Binti Hussain:
 - *Notis Makluman Tambahan Mahkamah Rendah di Negeri Pulau Pinang Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Terkini Bermula 19 Februari 2021; and*
 - *Penjadualan Semula Tarikh Sebutan Kes Sivil bagi Mahkamah Rendah Pulau Pinang Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari 19 Februari 2021 sehingga 4 Mac 2021.*

The said Practice Direction and Notifications are appended below for Members' attention and reference.

Lee Guan Tong & Imavathi Subramaniam
Co-Chairpersons
Court Liaison Subcommittee



KHN.0042 Jld 2
17 Februari 2021

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Pegawai Penyelidik/ Timbalan Pendaftar
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/
Mahkamah Tinggi/Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 5 TAHUN 2021
MENGENAI PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL DI MAHKAMAH
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah

Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 [Akta 829], saya mengeluarkan Arahan ini bagi memperuntukkan perkara berhubung dengan pengendalian prosiding kes sivil di Mahkamah-Mahkamah di seluruh Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti yang berikut:

PEMAKAIAN

2. Arahan ini terpakai bagi pengendalian kes sivil secara fizikal dan melalui teknologi komunikasi jarak jauh di negeri-negeri dan di daerah-daerah di bawah PKP.
3. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia dan Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia Bagi Pengguna Mahkamah yang telah diedarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan telah mula berkuat kuasa pada **27 Januari 2021**.

TAFSIRAN

4. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “Mahkamah” ertinya Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret.

JENIS KES MENGIKUT KEUTAMAAN

5. Semua prosiding kes sivil di Mahkamah terbuka akan terus dijalankan dengan keutamaan diberikan kepada kes-kes yang berikut:
 - (a) kes-kes pra-2020 dengan keutamaan kepada kes sambung bicara;
 - (b) kes-kes berkepentingan awam; dan
 - (c) mana-mana kes yang dipohon oleh pihak-pihak untuk dijalankan atas sebab-sebab istimewa dan hal keadaan luar biasa” (*special and exceptional circumstances*) termasuklah prosiding melibatkan kes kemalangan jalan raya (*running down cases*), prosiding melibatkan saksi yang berada di luar negara, faktor kesihatan dan keupayaan saksi serta apa-apa hal keadaan lain yang akan dipertimbangkan oleh Mahkamah.
6. Walau apa pun, Mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan mana-mana kes sivil yang akan dijalankan di Mahkamah terbuka atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh semasa pelaksanaan PKP.

PEMFAILAN

7. Bagi Mahkamah yang menggunakan sistem e-Kehakiman, pemfailan kes-kes baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen adalah melalui sistem e-Filing.

8. Bagi Mahkamah yang masih belum mempunyai sistem e-Filing, pemfailan kes-kes baharu dan dokumen-dokumen akan dilaksanakan secara fizikal.

PERMOHONAN PERAKUAN SEGERA

9. Bagi permohonan perakuan segera—

- (a) di Mahkamah Persekutuan, Timbalan Pendaftar akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YAA Ketua Hakim Negara;
- (b) di Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YAA Presiden Mahkamah Rayuan;
- (c) di Mahkamah Tinggi, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman yang bertugas; dan
- (d) di Mahkamah Sesyen, Ketua Pusat Kos / Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada Pengarah Mahkamah Negeri.

PENGURUSAN KES

10. Pengurusan kes hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021) dan Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah di Seluruh Malaysia (Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Sivil), mengikut mana-mana yang berkenaan.

11. Mahkamah boleh dalam keadaan luar biasa dan sebagai pilihan terakhir menetapkan pengurusan kes secara fizikal.

12. Pengurusan kes hendaklah dijalankan bagi tujuan antara lain seperti yang berikut:

- (a) membuat penentuan pihak-pihak dan bilangan orang yang terlibat dalam sesuatu prosiding;
- (b) mendapatkan maklumat mengenai anggaran masa yang akan diambil untuk keseluruhan prosiding;
- (c) mendapatkan maklumat mengenai bilangan saksi yang terlibat dan anggaran tempoh masa yang diambil bagi satu-satu saksi;
- (d) jika pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding termasuk dalam kategori berisiko kesihatan dan menyukarkan kehadirannya ke

Mahkamah, permohonan seawal mungkin untuk penangguhan hendaklah dibuat;

- (e) mengingatkan pihak-pihak akan keperluan untuk mematuhi secara ketat semua garis panduan, tatacara operasi standard dan arahan berkaitan dengan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh PKPMP, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan Agensi-Agenzi yang berkaitan; dan
- (f) apa-apa pertimbangan lain yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Mahkamah.

13. Pengurusan kes terakhir hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya dalam masa tiga (3) hari atau dalam apa-apa tempoh masa yang bersesuaian sebelum perbicaraan untuk mengelakkan sebarang penangguhan pada hari perbicaraan.

TATACARA PENGENDALIAN KES SIVIL

14. Semua permohonan interlokutori hendaklah dijalankan melalui komunikasi teknologi jarak jauh namun, Mahkamah boleh dalam hal keadaan tertentu menetapkan prosiding bagi permohonan interlokutori dijalankan secara fizikal, contohnya bagi kes yang melibatkan litigan yang tidak diwakili peguam.

15. Bagi prosiding yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh, Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 dan

Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Sivil, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah terpakai.

16. Semua prosiding yang telah dijadualkan hendaklah dijalankan sehingga selesai mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan sebarang penangguhan adalah tidak dibenarkan.

17. Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan

17.1 Sebarang penetapan tarikh baharu akan ditetapkan secara pengurusan kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh oleh Timbalan Pendaftar.

17.2 Sekiranya prosiding dijalankan di Mahkamah terbuka, Mahkamah hendaklah memastikan perkara-perkara yang berikut:

(a) tertakluk kepada perenggan 19, tiada seorang pun dibenarkan hadir ke prosiding di Mahkamah terbuka kecuali—

(i) pihak Perayu dan dua orang ahli keluarga/ kawan/ kenalan pihak Perayu;

(ii) pihak Responden dan dua orang ahli keluarga/ kawan/ kenalan pihak Responden;

- (iii) seorang Peguam Kanan Persekutuan/Peguam Persekutuan atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah; dan
 - (iv) seorang Peguam bagi pihak-pihak atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah; dan
 - (v) mana-mana pihak lain mengikut keperluan peruntukan undang-undang yang berkaitan atau diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir; dan
- (b) pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang ditetapkan oleh Mahkamah dan tidak dibenarkan untuk berada di dalam Mahkamah terbuka kecuali apabila kes mereka dipanggil.

17.4 Jurubahasa hendaklah sentiasa menjalankan tugas dari meja jurubahasa di dalam Mahkamah terbuka.

18. Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret

- 18.1 Sekiranya prosiding dijalankan di Mahkamah terbuka, Mahkamah hendaklah memastikan perkara-perkara yang berikut:
- (a) tertakluk kepada perenggan 19, tiada seorang pun dibenarkan hadir ke prosiding di Mahkamah terbuka kecuali—

- (i) pihak Plaintiff dan dua orang ahli keluarga/ kawan/ kenalan pihak Plaintiff;
 - (ii) pihak Defendan dan dua orang ahli keluarga/ kawan/ kenalan pihak Defendan;
 - (iii) seorang Peguam Kanan Persekutuan/Peguam Persekutuan atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah;
 - (iv) seorang Peguam bagi pihak-pihak atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah; dan
 - (v) saksi-saksi yang terlibat;
 - (vi) mana-mana pihak lain mengikut keperluan peruntukan undang-undang yang berkaitan atau diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir; dan
- (b) pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang ditetapkan oleh Mahkamah dan tidak dibenarkan untuk berada di dalam Mahkamah terbuka kecuali apabila kes mereka dipanggil; dan
- (c) pada satu-satu masa, hanya dua orang saksi yang dibenarkan untuk menunggu di bilik saksi dengan pematuhan kepada keperluan penjarakan fizikal.

- 18.2 Peguam Kanan Persekutuan/Peguam Persekutuan/pegawai/pegawai yang diberi kuasa di bawah peruntukan undang-undang untuk mengendalikan kes di Mahkamah, hendaklah memastikan bahawa saksi mereka hanya hadir ke Mahkamah pada hari yang diperlukan sahaja untuk memberikan keterangan.
- 18.3 Jurubahasa hendaklah sentiasa menjalankan tugas dari meja jurubahasa di dalam Mahkamah terbuka.

HAD KEHADIRAN KE PROSIDING DI MAHKAMAH TERBUKA

19. Walau apa pun peruntukan undang-undang atau arahan yang dikeluarkan berhubung dengan perkara ini dan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 829, kehadiran mana-mana orang ke prosiding di Mahkamah terbuka boleh dihadkan.

PELAKSANAAN PENGHAKIMAN

20. Tertakluk kepada perenggan 21, Mahkamah boleh mempertimbangkan permohonan pelaksanaan penghakiman.

BUDI BICARA MAHKAMAH

21. Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Arahan ini, Mahkamah boleh menggunakan budi bicara dalam menentukan tatacara dan perkara berkaitan pengendalian prosiding kes sivil semasa tempoh PKP.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

22. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **19 Februari 2021.**

ulohun

TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT

Ketua Hakim Negara

Istana Kehakiman

Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocate Association of Sarawak
Sarawak



NOTIS MAKLUMAN
MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG

**PENGENDALIAN KES-KES DI HADAPAN YA HAKIM /
PESURUHJAYA KEHAKIMAN / TIMBALAN PENDAFTAR /
PENOLONG KANAN PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI PULAU
PINANG BERKUAT KUASA DARI 19HB FEBRUARI 2021
SEHINGGA 4HB MAC 2021 SELARAS DENGAN ARAHAN Y.A.A
KETUA HAKIM NEGARA BILANGAN 5 TAHUN 2021**

Mulai 19 Februari 2021, dengan merujuk kepada Arahan Y.A.A Ketua Hakim Negara Bilangan 5 Tahun 2021 Mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil Di Mahkamah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan(PKP), Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia yang berkuatkuasa 27 Januari 2021 ini berikut adalah makluman berkenaan pengendalian kes di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang :-

KES-KES DI HADAPAN YA HAKIM / PESURUHJAYA KEHAKIMAN

Kes Sivil

1. Mahkamah terbuka akan bersidang sekiranya terdapat perbicaraan/pendengaran kes-kes sivil Pra 2020. Walau bagaimanapun pihak-pihak dinasihatkan menghubungi Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar yang menguruskan kes YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman terlebih dahulu untuk persediaan perbicaraan kes-kes berkenaan.
2. Prosiding kes sivil di hadapan YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman yang boleh dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan dijalankan melalui teknologi

komunikasi jarak jauh mengikut platform e-mel, e-review, zoom atau sidang video mengikut kesesuaian pihak-pihak. Pihak- pihak boleh menyemak kes-kes yang akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh tersebut menerusi *e-Filing System* (EFS) atau membuat pertanyaan secara penghantaran e-mel kepada pegawai bertanggungjawab sebagaimana di **Lampiran B**. Alamat e-mel rasmi pegawai bertanggungjawab boleh diperolehi menerusi Portal Rasmi Mahkamah Negeri Pulau Pinang ataupun dengan menghubungi kaunter pertanyaan mahkamah.

3. Prosiding yang perlu dijalankan di Mahkamah Terbuka akan dijalankan mengikut ketetapan seperti di **Lampiran A**.

4. Senarai Jurubahasa Mahkamah Tinggi yang boleh dihubungi sepanjang tempoh ini adalah sebagaimana di **Lampiran C**.

5. Kes-kes sivil (selain yang dinyatakan di para 1) yang memerlukan kehadiran fizikal pihak-pihak ke mahkamah dan tidak boleh dijalankan menerusi teknologi komunikasi jarak jauh, yang dijadualkan pada tarikh YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman tidak bersidang di Mahkamah Terbuka akan ditangguh ke tarikh baru sebagaimana di **Lampiran D**. Walaubagaimanapun, sekiranya pihak-pihak masih ingin meneruskan kes berkenaan dengan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh dalam tempoh YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman tidak bersidang di Mahkamah Terbuka, boleh memohon dengan persetujuan bersama kepada Mahkamah sekurang-kurangnya tiga hari bekerja sebelum tarikh perbicaraan/pendengaran/pengurusan kes yang ditetapkan tanpa memprejudiskan hak mana-mana pihak.

Kes Jenayah

6. Mahkamah Tinggi 1 di Butterworth dan Mahkamah Tinggi 6 di Georgetown yang mendengar kes-kes jenayah akan bersidang pada setiap hari bekerja dan mendengar kes sebagaimana yang telah dijadualkan.

KES-KES DI HADAPAN TIMBALAN PENDAFTAR / PENOLONG KANAN PENDAFTAR

Kes-kes di atas talian (E-Review, E-Mel, Zoom, Sidang Video)

7. Prosiding di hadapan TP/PKP yang boleh dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh mengikut platform e-mel, e-review, zoom atau sidang video sebagaimana yang dijadualkan sebelum ini. Pihak-pihak boleh menyemak status kes-kes yang akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh tersebut menerusi *e-Filing System (EFS)* atau membuat pertanyaan secara penghantaran e-mel kepada pegawai bertanggungjawab sebagaimana di **Lampiran B**. Alamat e-mel rasmi pegawai bertanggungjawab boleh diperolehi menerusi Portal Rasmi Mahkamah Negeri Pulau Pinang ataupun dengan menghubungi kaunter pertanyaan mahkamah.

Kes-kes yang memerlukan kehadiran fizikal

8. Kes-kes yang memerlukan kehadiran fizikal pihak-pihak ke mahkamah dan tidak boleh dijalankan menerusi teknologi komunikasi jarak jauh, akan diteruskan seperti yang dijadualkan sebelum ini di hadapan TP/PKP di Mahkamah mengikut “staggered timing”. Walaubagaimanapun, sekiranya pihak-pihak menghadapi sebarang masalah kehadiran ke mahkamah bagi kes-kes yang memerlukan kehadiran fizikal, sila menghubungi pegawai bertanggungjawab berkenaan secara penghantaran e-mel sekurang-kurangnya tiga hari bekerja sebelum tarikh yang ditetapkan untuk menerima maklum balas mengenai status pendengaran/pengurusan kes tersebut.

**TIMBALAN PENDAFTAR (PENTADBIRAN)
MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG
19 FEBRUARI 2021**

LAMPIRAN A

JADUAL PERSIDANGAN YA HAKIM/PESURUHJAYA KEHAKIMAN (SIVIL)		
TARIKH	PERSIDANGAN MAHKAMAH TERBUKA (SIVIL)	
22-26 Februari 2021 (Isnin – Jumaat)	Mahkamah Tinggi 2 YA Tuan George Varughese a/l K.O Varughese	Mahkamah Tinggi 5 YA Tuan Wong Hok Chong
1-4 Mac 2021 (Isnin – Khamis)	Mahkamah Tinggi 3 YA Dato' Amarjeet Singh a/l Serjit Singh	Mahkamah Tinggi 4 * YA Dato' Rosilah binti Yop

*YA Hakim Dato' Rosilah binti Yop bercuti dan pengurusan kes akan dikendalikan oleh Timbalan Pendaftar

PERSIDANGAN MAHKAMAH TERBUKA JENAYAH (BERSIDANG PADA SETIAP HARI BEKERJA)	YA HAKIM/ PESURUHJAYA KEHAKIMAN
Mahkamah Tinggi (6) di Pulau Pinang	YA Tuan Mohd Radzi bin Abdul Hamid
Mahkamah Tinggi (1) di Butterworth	YA Datuk Amirudin bin Abd Rahman

LAMPIRAN B

KOD PENDENGARAN / PENGURUSAN KES	TIMBALAN PENDAFTAR/PENOLONG KANAN PENDAFTAR (PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB)
- Pengurusan & Pentadbiran Mahkamah Tinggi Pulau Pinang - Pelaksanaan dan lelongan awam - Surat Kuasa Wakil (PA)	Tuan Ahzal Fariz Bin Ahmad Khairuddin
Pengurusan kes di hadapan YA Dato' Rosilah binti Yop	Puan Umma Devi a/p Loganathan
Pengurusan kes di hadapan YA Tn George Varughese	Tuan Arif bin Mohamad Shariff
Pengurusan kes di hadapan YA Tn Wong Hok Chong	Puan Noor Farah Hazwani binti Osman
- Pengurusan kes di hadapan YA Dato' Amarjeet Singh a/l Serjit Singh - Kod 17C, 18, 33 (long call, and Cerai) – tertakluk kepada keadaan	Tuan Lau Eric
- Pengurusan kes di hadapan YA Tuan Mohd Radzi bin Abdul Hamid - Bankrapsi 29NCC Digit 0,7,8,9	Puan Chia Huey Ting
Pengurusan kes di hadapan YA Datuk Amirudin bin Abd Rahman	Tuan Savinder Singh a/l Jugindar Singh
- LA/Probet digit 1,3,5,7,9 - Bankrapsi 29NCC Digit 1,3,5 - Bankrapsi 29PB Digit 1,3,5,7,9	Puan Diannee Ningrad binti Nor Azahar
- LA/Probet digit 0,2,4,6,8, - Bankrapsi 29NCC Digit 2,4,6 - Bankrapsi 29PB Digit 0,2,4,6,8	Puan Balqis binti Roslin

**SENARAI ALAMAT E-MEL JURUBAHASA MAHKAMAH TINGGI
PULAU PINANG YANG BOLEH DIHUBUNGI**
19 FEBRUARI 2021 SEHINGGA 04 MAC 2021

Mahkamah	Jurubahasa
Mahkamah Tinggi 1	Nurul Nadiah Binti Azizan nurulnadiahazizan@kehakiman.gov.my
	Leelavathi a/p Maratha Pilai leelavathi@kehakiman.gov.my
	Chang Swan Lee changswanlee@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi 2	Saira Banu binti Mohd Hussain saira@kehakiman.gov.my
	Poompolilan a/l Veeran polilan@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi 3	Lee Chin Huei leechinhuei@kehakiman.gov.my
	Asraf bin Abd Wahab asrafabd wahab@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi 4	Muhammad Zaid bin Shaaban zaid@kehakiman.gov.my
	Cheong Ly Meng cheonglymeng@kehakiman.gov.my
	Mohd Faizal bin Bidin faizalbidin@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi 5	Nurulhusna binti Yahaya husnayahaya@kehakiman.gov.my
	Thayvanai a/p Somasundram thayvanai@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi 6	Suzielawati binti Mohd Fadoalah suzielawati@kehakiman.gov.my
	Pang Xie Fung pangxiefung@kehakiman.gov.my
	Susheela Devi a/p Munusamy sheeladevi@kehakiman.gov.my

LAMPIRAN D

**TARIKH BAHARU BAGI KES-KES SIVIL YANG TELAH DITETAPKAN
SECARA FIZIKAL DI HADAPAN YA HAKIM/ PESURUHJAYA KEHAKIMAN
PADA TARIKH YA HAKIM/PESURUHJAYA KEHAKIMAN TIDAK BERSIDANG
DI MAHKAMAH TERBUKA**

**MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG
19 FEBRUARI 2021 SEHINGGA 04 MAC 2021**

Tarikh Asal	Tarikh Baharu
19 Februari 2021	14 April 2021
22 Februari 2021	15 April 2021
23 Februari 2021	19 April 2021
24 Februari 2021	20 April 2021
25 Februari 2021	21 April 2021
26 Februari 2021	22 April 2021
01 Mac 2021	26 April 2021
02 Mac 2021	27 April 2021
03 Mac 2021	28 April 2021
04 Mac 2021	03 Mei 2021

**TARIKH BAHARU BAGI KES-KES LELONGAN AWAM
YANG TELAH DITETAPKAN SECARA FIZIKAL DI
HADAPAN TIMBALAN PENDAFTAR/ PENOLONG KANAN
PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 2.0**

Tarikh Asal	Tarikh Baharu
19 Januari 2021	23 Mac 2021
20 Januari 2021	24 Mac 2021
16 Februari 2021	23 Februari 2021
17 Februari 2021	24 Februari 2021
23 Februari 2021	30 Mac 2021
24 Februari 2021	31 Mac 2021

NOTIS MAKLUMAN TAMBAHAN MAHKAMAH RENDAH DI NEGERI PULAU PINANG
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TERKINI BERMULA 19
FEBRUARI 2021

- **Mulai 19 Februari 2021**, dengan merujuk kepada Arahan Y.A.A Ketua Hakim Negara Bilangan 5 Tahun 2021 Mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil Di Mahkamah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia yang berkuatkuasa 27 Januari 2021 ini berikut adalah makluman berkenaan pengendalian kes di Mahkamah Negeri Pulau Pinang:
 - **Pengendalian Kes Sivil**
 - Mahkamah terbuka akan bersidang sekiranya terdapat perbicaraan kes-kes sivil Pra 2020.
 - Bagi Kes Pra 2020, **perbicaraan yang telah ditetapkan bermula dari 19 Februari 2021 akan diteruskan.**
 - Semua kes di Mahkamah Sivil akan dikendalikan secara atas talian sahaja dimana pegawai dan kakitangan yang terlibat akan bekerja dari rumah (bagi mahkamah yang mempunyai CMS/Efiling).
 - Sebutan yang tidak melibatkan eview akan ditangguh sebagaimana jadual yang ditetapkan di **Lampiran A**
 - Walaubagaimanapun, **atas permohonan peguam, Mahkamah boleh, dalam keadaan luar biasa dan sebagai pilihan terakhir menetapkan pengurusan kes atau bicara penuh (bagi kes 2020) secara fizikal**
 - Sebarang permohonan untuk kes didengar secara fizikal perlu dibuat dengan menghubungi jurubahasa melalui telefon, emel atau surat.
 - Persidangan mahkamah **adalah tertakluk kepada Mahkamah masing-masing sama ada terdapat perbicaraan atau permohonan untuk didengar secara fizikal**
 - Permohonan bagi kes melibatkan Saman Pemula (melibatkan mahkamah yang mempunyai CMS/Efiling) boleh dibuat melalui E-Review sekiranya pihak peguam tiada bantahan
 - **Manakala bagi kes perlaksanaan akan dijalankan bagi kes-kes mustahak atau ‘urgent basis’ tertakluk kepada budibicara mahkamah dengan mematuhi SOP secara ketat.**

**PENGARAH MAHKAMAH
NEGERI PULAU PINANG**

**Penjadualan Semula Tarikh Sebutan Kes Sivil Bagi Mahkamah Rendah
Pulau Pinang Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dari 19
Februari 2021 sehingga 4 Mac 2021**

No.	Tarikh Sebutan Asal	Tarikh Sebutan Semula
1.	19 Februari 2021	5 April 2021
2.	22 Februari 2021	6 April 2021
3.	23 Februari 2021	7 April 2021
4.	24 Februari 2021	8 April 2021
5.	25 Februari 2021	9 April 2021
6.	26 Februari 2021	12 April 2021
7.	1 Mac 2021	13 April 2021
8.	2 Mac 2021	14 April 2021
9.	3 Mac 2021	15 April 2021
10.	4 Mac 2021	16 April 2021

**Pengarah Mahkamah
Negeri Pulau Pinang**